

PM: ASK bukti bukan slogan kosong

Oleh YAHAYA AHMAD
dan SOPHA SULAIMAN

ALUR SETAR 27 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, pelancaran skim tabung saham amanah di seluruh negara termasuk yang terbaru Amanah Saham Kedah (ASK), membuktikan kesungguhan kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan sektor kewangan.

Kata Perdana Menteri, kerajaan tidak hanya melancarkan slogan-slogan kosong tanpa tindakan yang mencerminkan kepercayaan yang menjadi asas perjuangannya.

“Pelancaran ASK adalah satu lagi bukti kesungguhan kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam,” katanya pada majlis pelancaran rasmi ASK, berupa dana pelaburan bernilai RM280 juta di Dewan Seri Negeri Wisma Darul Aman, di sini petang ini.

Perdana Menteri dan isteri Datuk Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menjadi pelabur Amanah Saham Kedah (ASK) yang dilancarkan hari ini. Jumlah pelaburan yang diterima pada hari pelancaran berjumlah RM18 juta.

ASK menawarkan harga sahamnya RM1 seunit. Perdana Menteri dan isteri yang masing-masing melabur sebanyak 10,000 unit pada hari pelancarannya diberi sijil-sijil saham dengan akaun pelaburan bernombor 000001/000002.

Menurut Dr. Mahathir,

langkah itu adalah sebagai lanjutan daripada usaha berterusan kerajaan selama ini untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam bidang pentadbiran dan juga kewangan negara.

Kata Perdana Menteri, rakyat telah menyaksikan kejayaan Bank Islam yang ditubuhkan kira-kira 11 tahun lalu yang pada mulanya menerima pelbagai ejekan dan tohmahan daripada golongan tertentu.

[Lagi laporan di muka 11]

Sejak kebelakangan ini pula, tambahnya, kepercayaan masyarakat terhadap Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) semakin tinggi apabila lebih daripada 30 institusi kewangan melaksanakan sistem tersebut.

“Trend ini dilanjutkan lagi dengan penubuhan tabung-tabung amanah saham yang pelaburannya berlandaskan Islam,” tambah beliau.

Dr. Mahathir berkata, usaha yang lebih giat perlu dilakukan bagi menggalakkan pelaburan menerusi tabung saham amanah, terutama yang disokong oleh kerajaan.

Serentak itu, beliau mahukan organisasi dan institusi yang berkemampuan di negara ini memulakan langkah positif ke arah mendukung hasrat kerajaan itu supaya skim amanah mampu meningkatkan peratusan di segi jumlah modal pasaran saham.

Di Malaysia, katanya, skim saham amanah hanya mewakili peratusan

yang kecil sahaja, iaitu kira-kira 6.5 peratus daripada jumlah modal pasaran saham.

Ini berbeza dengan negara-negara tertentu yang telah lama melaksanakan skim tersebut secara aktif, di mana peratusannya mencapai sehingga 50 peratus daripada modal pasaran saham, ujar beliau.

Melalui langkah menggalakkan lagi pelaburan dalam skim itu, Dr. Mahathir berharap, jumlah peratusan modal pasaran saham dapat ditingkatkan, di samping memajukan lagi industri penabungan yang sedang pesat berkembang sekarang.

Beliau menambah, amalan menabung di kalangan rakyat perlu digalakkan bagi menghindar pembaziran serta mengawal kadar inflasi pada tahap yang paling minimum.

Perdana Menteri lalu mengimbas semula sejarah Islam dengan mengambil contoh amalan menabung dan berhati-hati di dalam perbelanjaan bermula sejak zaman Nabi Yusuf lagi.

Ketika Mesir mengecap kemakmuran selama tujuh tahun, tambahnya, Nabi Yusuf yang menyelia perbendaharaan negara, mengarahkan supaya simpanan dibuat untuk menghadapi kemungkinan berlaku kemarau tujuh tahun akan datang.